

Mahasiswa kena bijak guna duit, bayar balik pinjaman

Persoalan yang sering ditanya oleh mahasiswa setiap kali permulaan semester ialah bilakah pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi (PTPTN) mereka akan dikreditkan ke dalam akaun masing-masing kerana pinjaman itu amat berharga dalam meneruskan pengajian mahasiswa.

Mereka sudah tidak sabar untuk menggunakan duit berkenaan sehingga ada sesetengah mahasiswa melahirkan ketidakpuasan hati mereka di laman sosial seperti facebook, twitter dan sebagainya. Hal ini seolah-olah mendesak pihak berwajib untuk mempercepatkan kemasukan duit itu.

Pinjaman yang diterima bertujuan untuk pembelajaran seperti membayar yuran pengajian, membeli buku, alatan menulis dan sebagainya. Namun, fenomena yang dapat dilihat pada hari ini tidak seperti yang digambarkan dalam tujuan sebenar pinjaman berkenaan.

Apa yang terjadi pada hari ini, siswa siswi seolah-olah menunggu duit dikreditkan ke dalam akaun hanya untuk membeli gajet baru

dan membeli-belah tanpa mengambil kira faktor perbelanjaan pembelajaran. Pendapat yang mengatakan pelajar mengamalkan corak perbelanjaan yang berlebihan juga boleh dipersoalkan.

Walaupun ia berlaku kepada pelajar di negara Barat daripada kemudahan mendapat kredit yang telah mewujudkan masalah moral, namun kajian di negara ini menunjukkan pelajar masih menganggap pinjaman itu adalah untuk melanjutkan pengajian dan perbelanjaan mereka dan tidak ada kaitan dengan sikap toleran terhadap hutang.

Fenomena yang kita dapat perhatikan ialah mereka amat memerlukan duit itu, namun sukar untuk membayar balik pinjaman berkenaan.

Ramai gagal bayar pinjaman

ilaporkan seramai 412, 245 daripada 1.2 juta peminjam PTPTN masih belum membuat pembayaran balik sehingga 31 Ogos yang lalu. Bagi pelajar, ia ibarat tangan kanan memberi, manakala tangan kiri pula menikam!

Peminjam yang enggan membayar balik pinjaman itu

dianggap berlaku zalim kepada bakal mahasiswa yang akan melanjutkan pelajaran di Institut Pengajian Tinggi (IPT). Ini kerana duit itu akan turut sama menampung pengajian di peringkat yang lebih tinggi. Persoalannya, apakah yang akan terjadi jika pihak PTPTN tidak lagi mampu menampung pembiayaan mahasiswa jika ramai yang enggan membuat pembayaran balik pinjaman.

Jangan tuding jari

Sebagai peminjam, kita janganlah asyik menuding jari menyalahkan sesuatu pihak kerana setiap pinjaman yang dilakukan harus dilaksana demi kebajikan semua pihak. Malah dalam apa juga keadaan sekalipun, kita perlu mencari jalan walaupun terpaksa bekerja keras demi melaksana pinjaman berkenaan.

Harus diingat walaupun kita dapat mengenggam segulung ijazah, ia tidak bermakna kita tidak boleh melakukan pekerjaan yang bermula dari bawah seperti kerani, operator kilang dan sebagainya asalkan

ia adalah pekerjaan yang halal.

Bagi menggalakkan pembayaran balik, diskaun 20 peratus atas baki pinjaman yang ditawarkan kepada peminjam yang menyelesaikan hutang secara sekali gus dalam tempoh setahun bermula 1 Oktober hingga 30 September lalu, manakala bagi peminjam yang membayar balik pinjaman secara konsisten mengikut jadual bermula 1 Oktober tahun lalu, diskaun 10 peratus setahun akan diberikan. Ini bertujuan untuk menyemai sikap tanggungjawab dan prihatin terhadap diri dan generasi masa hadapan.

Justeru, mahasiswa harus cakna terhadap penggunaan duit PTPTN mereka dan juga pembayaran balik pinjaman. Kita perlu melaksana hutang agar kehidupan sentiasa berada dalam rahmat dan keredhaan Allah SWT. Mahasiswa perlu sentiasa ingat bahawa pembayaran balik PTPTN adalah satu tanggungjawab.

Muhammad Lutfi Hilmi Takiuddin

Universiti Sains Islam Malaysia